



9 Jun 2026
9 June 2026
P.U. (A) 215

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN
(PENDAPATAN INDIVIDU YANG DILULUSKAN)
(WANITA KEMBALI BEKERJA SELEPAS
BERHENTI BEKERJA SECARA SEMENTARA)
(PENGECUALIAN) 2026

*INCOME TAX
(INCOME OF APPROVED INDIVIDUAL)
(WOMEN RETURNING TO WORK AFTER CEASING
FROM EMPLOYMENT TEMPORARILY)
(EXEMPTION) ORDER 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENDAPATAN INDIVIDU YANG DILULUSKAN)
(WANITA KEMBALI BEKERJA SELEPAS BERHENTI BEKERJA SECARA SEMENTARA)
(PENGECUALIAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pendapatan Individu yang Diluluskan) (Wanita Kembali Bekerja Selepas Berhenti Bekerja Secara Sementara) (Pengecualian) 2026**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2028.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan individu yang diluluskan yang merupakan seorang wanita yang sebelum ini pernah bekerja, berhenti bekerja secara sementara dan kemudiannya kembali bekerja daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan kasar yang diperoleh daripada suatu penggajian dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(2) Individu yang diluluskan hendaklah—

(a) membuat permohonan bagi pengecualian di bawah subperenggan (1) kepada Menteri melalui Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2027; dan

(b) mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu dan pematuhan syarat itu hendaklah ditentusahkan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan berturut-turut.

(4) Tempoh yang disebut dalam subperenggan (3) bermula dari tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang suatu pilihan dibuat oleh individu yang diluluskan dan pilihan itu hendaklah dibuat dalam tahun taksiran yang permohonan bagi pengecualian yang disebut dalam subperenggan (2) diterima oleh Menteri melalui Talent Corporation Malaysia Berhad atau tahun taksiran yang berikutnya.

(5) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan seorang individu yang diluluskan daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

(6) Bagi maksud perenggan ini—

“individu yang diluluskan” ertinya seorang wanita yang—

- (a) merupakan warganegara Malaysia;
- (b) bermastautin di Malaysia;
- (c) berhenti bekerja dan tidak memperoleh apa-apa pendapatan penggajian bagi suatu tempoh sekurang-kurangnya selama dua puluh empat bulan berturut-turut pada atau selepas 28 Oktober 2017;
- (d) mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja sepenuh masa sebelum wanita itu berhenti bekerja;
- (e) berumur tidak melebihi lima puluh lapan tahun pada tarikh permohonan yang disebut dalam subperenggan (2) dibuat;

- (f) menandatangani kontrak pekerjaan sepenuh masa di Malaysia dengan seorang majikan bagi tempoh sekurang-kurangnya dua puluh empat bulan dalam tempoh mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2028;
- (g) yang bekerja sekurang-kurangnya dua belas bulan berturut-turut dari tempoh kontrak pekerjaan yang disebut dalam subsubperenggan (f); dan
- (h) yang menerima pendapatan kasar daripada kontrak pekerjaan yang disebut dalam subsubperenggan (f) sekurang-kurangnya lima ribu ringgit setiap bulan;

“majikan” ertinya mana-mana orang yang mengambil kerja individu yang diluluskan tidak termasuk—

- (a) suatu syarikat yang dikawal sama ada secara langsung atau secara tidak langsung oleh individu yang diluluskan itu;
- (b) suatu ketuanpunyaan tunggal; atau
- (c) saudara individu yang diluluskan itu yang merupakan ibu atau bapa termasuklah ibu atau bapa mertua, anak termasuklah anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang, abang, kakak atau adik, datuk, nenek atau cucu atau pasangan;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dengan nombor pendaftarannya 919577-H dan bermastautin di Malaysia.

Ketidakpakaian

3. Perintah ini tidak terpakai bagi individu yang diluluskan jika individu yang diluluskan itu telah diberikan suatu pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2019 [*P.U. (A) 226/2019*] dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Dibuat 7 Mei 2026

[MOF.TAX(S)700-1/3/107; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-434; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN

Menteri Kewangan II

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)
Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (INCOME OF APPROVED INDIVIDUAL)
(WOMEN RETURNING TO WORK AFTER CEASING FROM EMPLOYMENT TEMPORARILY)
(EXEMPTION) ORDER 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Income of Approved Individual) (Women Returning to Work After Ceasing from Employment Temporarily) (Exemption) Order 2026**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2024 to the year of assessment 2028.

Exemption

2. (1) The Minister exempts an approved individual who is a woman who has previously been employed, ceased employment temporarily and subsequently returns to work from the payment of income tax in respect of the gross income derived from an employment in the basis period for a year of assessment.

(2) An approved individual shall—

(a) make an application for an exemption under subparagraph (1) to the Minister through Talent Corporation Malaysia Berhad from 1 January 2024 to 31 December 2027; and

(b) comply with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption and the compliance with the conditions shall be verified by Talent Corporation Malaysia Berhad.

(3) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period not exceeding twelve consecutive months.

(4) The period referred to in subparagraph (3) commences from the basis period of a year of assessment in which an option is made by an approved individual and the option shall be made in the year of assessment in which the application for exemption referred to in subparagraph (2) is received by the Minister through Talent Corporation Malaysia Berhad or the following year of assessment.

(5) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the approved individual from complying with any of the requirements to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

(6) For the purposes of this paragraph—

“approved individual” means a woman who—

(a) is a citizen of Malaysia;

(b) is resident in Malaysia;

(c) has ceased employment and has not derived any employment income for a consecutive period of at least twenty-four months on or after 28 October 2017;

(d) has at least three years of full-time employment experience before such woman ceased to be employed;

(e) has not exceeded the age of fifty-eight years on the date the application referred to in subparagraph (2) is made;

- (f) has signed a full-time employment contract in Malaysia with an employer for a period of at least twenty-four months within the period from 1 January 2023 to 31 December 2028;
- (g) has worked for at least twelve consecutive months from the employment contract period referred to in subparagraph (f); and
- (h) has received a gross income from an employment contract referred to in subparagraph (f) of at least five thousand ringgit per month;

“employer” means any person who employs the approved individual excluding—

- (a) a company which is controlled either directly or indirectly by the approved individual;
- (b) a sole proprietorship; or
- (c) a relative of the approved individual who is a parent including a parent-in-law, a child including a stepchild or a child adopted in accordance with any law, a brother or sister, a grandparent or grandchild or a spouse;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” means a company limited by guarantee incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] with its registration number of 919577-H and is resident in Malaysia.

Non-application

3. This Order shall not apply to an approved individual if the approved individual has been granted an exemption under the Income Tax (Exemption) (No. 9) Order 2019 [P.U. (A) 226/2019] in a basis period for a year of assessment.

Made 7 May 2026

[MOF.TAX(S)700-1/3/107; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-434; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the
Income Tax Act 1967]*